

# Al-Arqam menyeleweng: PM

**KUCHING, Jumaat** — Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, berkata Al-Arqam dilarang menyertai kegiatan berunsur keagamaan kerana pertubuhan itu didapati menyeleweng daripada ajaran Islam.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menyekat segala bentuk dakwah yang menyeleweng daripada akidah Islam.

"Ini termasuk Aurad Muhammadiah yang diamalkan

oleh pengikut Al-Arqam dan pemimpinnya Ustaz Ashaari Muhammad kerana didapati bertentangan di segi akidah Islam," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching sebelum berlepas pulang ke ibu negara, petang ini.

Beliau berkata, larangan itu termasuk kegiatan Al-Arqam melalui risalah dan akhbar pertubuhan itu, yang dipercayai diterbitkan tanpa kebenaran atau permit Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Menurutnya, kerajaan mengeluarkan larangan itu meneruui Bahagian Hal-Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri setelah keputusan mengenai kedudukan pertubuhan itu dibuat oleh mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Islam.

"Saya juga ingin menjelaskan bahawa bukannya saya yang mempengerusikan mesyuarat itu seperti dilaporkan sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM)

akan terus menyiarkan lagu-lagu selingan nasyid persembahan kumpulan Al-Arqam walaupun kerajaan menghamkan kegiatan kumpulan itu di semua jabatan dan agensinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata adalah terlalu awal untuk mengambil sebarang keputusan mengenai siaran selingan itu kerana kajian terperinci harus diadakan terlebih dahulu.